

**KESEIMBANGAN DAN KEADILAN SOSIO-  
BUDAYA MELALUI RITUAL DAN ADAT  
MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG,  
DI TANDEK, KOTA MARUDU, SABAH**



**JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN,  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**KESEIMBANGAN DAN KEADILAN SOSIO-  
BUDAYA MELALUI RITUAL DAN ADAT  
MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG,  
DI TANDEK, KOTA MARUDU, SABAH**

**JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN PENGAJIAN  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN,  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **KESEIMBANGAN DAN KEADILAN SOSIO-BUDAYA MELALUI RITUAL DAN ADAT MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG, DI TANDEK, KOTA MARUDU, SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG** sesi **2018-2023** mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. Sila tanda (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang temaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

**JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG**  
**DA1721013T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh :

Profesor Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan  
Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Doktor Falsafah ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah dijelaskan sumbernya.

3 APRIL 2023

---

JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG  
DA1721013T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **JIKAT @ BINOL BIN DARIMBANG**

NO. MATRIK : **DA1721013T**

TAJUK : **KESEIMBANGAN DAN Keadilan Sosio-Budaya  
Melalui Ritual dan Adat Masyarakat Dusun  
Kimaragang, Di Tandek, Kota Marudu, Sabah**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL**

BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

TARIKH VIVA : **3 APRIL 2023**



**UMS**  
DISAHKAN OLEH;  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

**1. PENYELIA UTAMA**  
Profesor Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan \_\_\_\_\_

**2. PENYELIA BERSAMA**  
Prof. Madya Dr. Gaim @ James Lunkapis \_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Tuhan Yang Mahakuasa kerana dengan rahmat kasih kurniaNya yang memberikan kekuatan fizikal dan mental juga spiritual kepada saya, maka kajian dan penulisan tesis ini dapat saya siapkan.

Tidak dilupakan kepada informan yang telah menjayakan dapatan kajian bagi tesis saya ini. Puan *bobolijan* Rukanang Induk Kampung Nolotan, *bobolijan* merangkap Ketua Kampung Salimandut KK Raliah Pangadap, Pembantu *bobolijan* Darius Satikar, Kampung Mosolog, Puan Jukinah Adun dan Suami Encik Majinau Injawan Kampung Longob, Encik Jasnin Jamudah, Kampung Morion, Encik Jiral Darimbang, Encik Dius Darimbang Kampung Morion dan semua penduduk kampung di Tandek, Kota Marudu yang turut sama terlibat.

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada kepada penyelia utama saya Profesor Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan yang telah banyak membantu serta membimbing saya dalam memperbaiki penulisan tesis, memberi buah fikiran, memberi teguran, juga dorongan agar dapat menghasilkan tesis yang berkualiti dan mengasah minda saya serta sumbangan idea yang tidak pernah bertepi selama ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada penyelia bersama Prof. Madya Dr. Gaim @ James Lunkapis di atas tunjuk ajar yang membina sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS terutama sekali Dr. Trixie Tangit yang telah memberikan kerjasama sepanjang masa saya berada di fakulti ini.

Akhir sekali setulus ucapan penghargaan kepada isteri saya Mary Sangki dan anak-anak (Bexter Dexton, Marvelyne Jane, Brandon Dee dan Beckham Ben) yang sentiasa menyokong dan menemani perjalanan Ph.D saya di UMS.

Jikat @ Binol Bin Darimbang

3 April 2023

## ABSTRAK

Kajian tesis ini berkenaan keseimbangan dan keadilan sosio-budaya melalui ritual dan adat masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu. Terdapat kajian lepas berkenaan ritual *sogit* dan adat masyarakat Dusun Lotud di Tuaran, Kadazan Dusun di Tambunan, Kadazan di Penampang dan Papar, dan masyarakat Rungus di Kudat dan Pitas dan masyarakat lain. Namun belum ada kajian keseimbangan dan keadilan sosio-budaya melalui ritual dan undang-undang adat dalam kalangan masyarakat Dusun Kimaragang di Daerah Kota Marudu. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama kajian iaitu: i) Mengenalpasti proses dan amalan korban *sogit* dalam siri ritual *Monogit Pomogunan* sebagai sistem pemulihan keseimbangan dan keadilan tradisi dalam masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah; ii) Mengkaji bagaimana amalan korban *sogit* menjadi asas sistem pemulihan keadilan dalam Mahkamah Anak Negeri dan amalan ritual *sogit* dalam undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah; dan iii) Meneliti nilai sosial dan simbol dalam ritual *sogit* undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif, terdiri daripada: kajian rintis, temu bual mendalam, sesi temu bual kumpulan fokus dan pemerhatian ikut serta bersama informan yang terdiri daripada: pengamal agama tradisi atau *bobolijan*, Ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu, Ketua Kampung di Kampung Nolotan, dan Kampung Salimandut, dan beberapa orang penduduk kampung di Tandek, sebagai informan penting bagi mendapatkan maklumat yang sahih, sekaligus memudahkan untuk memahami lagi ritual dan undang-undang adat. Selain itu kaedah rakaman audiovisual, digunakan untuk merakam *rinait*, dan proses ritual siri *Monogit Pomogunan* untuk tujuan dokumentasi, dan untuk diperlihatkan kembali kepada informan (*bobolijan*) bagi tujuan penjelasan secara menyeluruh berkenaan ritual siri *Monogit Pomogunan* dan memudahkan proses menyalin semula *rinait*, dan peralatan yang digunakan. Selain itu, pampasan adat *sogit* binatang sering diamalkan sebagai kaedah perdamaian oleh Mahkamah Anak Negeri di Daerah Kota Marudu untuk menyelesaikan konflik pertikaian, sementara pelaksanaan ritual *sogit* kepanasan kampung sebagai asas pelaksanaan siri *Monogit Pomogunan* akan diserahkan kepada seorang pakar *bobolijan*. Adat dan ritual *sogit* dipercayai dapat memulihkan keseimbangan dan keadilan serta mengandungi nilai-nilai murni sosial yang perlu diketahui oleh generasi masa hadapan khususnya masyarakat Dusun Kimaragang.

**Kata kunci:** adat, *sogit*, ritual *Monogit Pomogunan*, *bobolijan*, Dusun Kimaragang

## **ABSTRACT**

### ***SOCIO-CULTURAL BALANCE AND JUSTICE THROUGH THE RITUALS AND CUSTOMS OF THE DUSUN KIMARAGANG OF TANDEK, KOTA MARUDU, SABAH***

*This thesis examines the relationship of balance and justice through the ritual series Monogit Pomogunan and customary law among the Kimaragang Dusun ethnic group in Tandek, Kota Marudu. There are previous studies regarding the rituals and customary laws of the Dusun Lotud in Tuaran, Kadazan Dusun in Tambunan, Kadazan in Penampang and Papar, and the Rungus in Kudat and Pitas. However, there has not been research on the Monogit Pomogunan rituals and customary law among the Kimaragang Dusun in Kota Marudu District. The three main objectives of the study are: i) To indentify the process and practice of soqit or blood sacrifice in the Monogit Pomogunan ritual series as a system of restoring balance and traditional justice among the Kimaragang Dusun of Tandek, Kota Marudu, Sabah; ii) To study how the practice of soqit sacrifice has become the basis of the system of restorative justice in the Native Court among the Kimaragang Dusun of Tandek, Kota Marudu, Sabah; and iii) To investigate the social values and symbols in the customary legal soqit rituals of the Kimaragang Dusun of Tandek, Kota Marudu, Sabah. The methodology used in the research consided of a pilot study and interviews, focus group interview sessions and participant observation of rituals. Informants included: traditional religious practitioners or bobolijan, the Native Chief of the Kota Marudu District Native Court, Village Heads in the villages of Nolotan, Salimandut, Tanjung Batu Darat, and some villagers in Tandek who were interviewed to obtain authentic information, as well as making it easier to understand rituals and customary laws. In addition, audiovisual recording methods were used to record the rinait (ritual poetry), and the ritual process of the Monogit Pomogunan series for documentation purposes, and to be shown back to the informants (bobolijan) for the purpose of a thorough explanation of the rituals of the Monogit Pomogunan series and to facilitate the process of transcribing some of the rinait, and examining the paraphernalia used. In addition, the study explored soqit practices used by the Native Court of Kota Marudu District, to resolve disputes by applying justice, balance and and wholesome values that need to be known by future generations, especially among the Kimaragang Dusun.*

**Key words:** *customary law, soqit, Monogit Pomogunan ritual, bobolijan, Kimaragang Dusun*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiv
<b>SENARAI PETA</b>	xvii
<b>GLOSARI ISTILAH KIMARAGANG</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxiii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	6
1.6.1 Pendekatan dan Proses Kajian	6
1.6.2 Kajian Rintis	9
1.6.3 Temu Bual Mendalam	11
1.6.4 Temu Bual Kumpulan Fokus	17
1.6.5 Pemerhatian ikut Serta ( <i>Participant Observation</i> )	21
1.6.6 Kajian Perpustakaan	22
1.6.7 Analisis	23
1.7 Skop Kajian	24
1.8 Limitasi Kajian	25
1.9 Kepentingan Kajian	26

1.10 Format Tesis	27
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	29
2.2 Kerangka Teoritikal	29
2.2.1 Animisme	30
2.2.2 Liminaliti	33
2.2.3 Antropologi Simbolik	35
2.3 Kajian Tentang Adat dan Ritual	37
2.3.1 Kajian Tentang Adat dan Ritual Luar Negara	43
2.3.2 Kajian tentang Adat dan Ritual di Borneo	49
2.3.3 Kajian tentang Adat dan Ritual di Sabah	52
2.4 Kajian Tentang Sistem Perundangan Tradisi	61
2.4.1 Sistem Perundangan Tradisi Dalam Borneo	63
2.4.2 Sistem Perundangan Tradisi di Sabah	64
2.5 Kesimpulan	72
<b>BAB 3: MASYARAKAT DUSUN KIMARAGANG</b>	
3.1 Pendahuluan	74
3.2 Latar Belakang Daerah Kota Marudu dan Masyarakat Dusun Kimaragang	74
3.2.1 Sistem Sosio-Ekonomi Daerah Kota Marudu	78
3.2.2 Sistem Sosio-Ekonomi Tradisional Masyarakat Dusun Kimaragang	78
3.3 Organisasi Sosial	81
3.3.1 Pola Petempatan Masyarakat Dusun Kimaragang	82
3.3.2 Struktur Sosial Masyarakat Dusun Kimaragang	88
3.3.3 Sistem Kepimpinan Kampung	89
3.3.4 Hubungan Gender	90
3.4 Kitaran Hidup Masyarakat Dusun Kimaragang	91
3.4.1 Proses Perkahwinan	91
3.4.2 Kelahiran dan Pembangunan Anak	96
3.4.3 Adat Kematian Masyarakat Dusun Kimaragang	97
3.5 Sistem Kepercayaan dan Pandang Dunia Tradisional Masyarakat Dusun Kimaragang	103
3.6 Undang-undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	119

3.6.1 Kesalahan Sumbang	121
3.6.2 Pelanggaran Adat <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun Kimaragang	131
3.7 Jenis-Jenis <i>Sogit</i>	140
3.7.1 <i>Sogit</i> disebabkan Kesalahan Kepada Makhluk-Makhluk Alam Ghaib	141
3.7.2 <i>Sogit</i> Kerana Kesalahan Melanggar Peraturan-Peraturan Masyarakat	142
3.7.3 <i>Sogit</i> Disebabkan Konflik Antara Individu	143
3.7.4 <i>Sogit</i> Kerana Kesalahan Merosakkan Harta Benda	145
3.8 Signifikan Denda <i>Sogit</i> Menurut Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	146
3.9 Kesimpulan	149

#### **BAB 4: PROSES DAN AMALAN KORBAN *SOGIT* DALAM SIRI RITUAL ADAT *MONOGIT POMOGUNAN***

4.1 Pendahuluan	151
4.2 Ritual <i>Monogit Pomogunan</i> ("Upacara Menyejuk Dunia")	151
4.3 Proses Ritual Adat <i>Monogit Pomogunan</i>	152
4.3.1 Peringkat <i>Somodua</i> (Persediaan)	160
4.3.2 Peringkat <i>Mokisisian om Mokimamaa</i> (Rayuan Belas Kasihan)	162
4.3.3 Peringkat <i>Monimpak</i> (Mengganda binatang yang dikorban Rayuan)	165
4.3.4 Peringkat <i>Pompod Momugas Pomogunan</i> (Penghujung membersihkan Alam Semesta)	167
4.3.5 Peringkat <i>Manadaka</i> (Kesyukuran)	171
4.3.6 Peringkat <i>Mintoron</i> atau <i>Tomoron</i> (tempoh berehat dan berpantang)	174
4.4 Simbolisme Dan Makna <i>Monogit Pomogunan</i>	174
4.4.1 Simbolisme dalam Proses Ritual	174
4.4.2 Simbolisme Sambutan Mengungkap <i>Rinait</i>	182
4.4.3 Simbolisme Binatang	188
4.4.4 Simbolisme Darah	190
4.4.5 Simbolisme Tujuh ekor ayam	192
4.4.6 Simbolisme Tumbuhan	193
4.4.7 Simbolisme Artifak	202
4.4.8 Simbolisme sajian makanan	206
4.5 Elemen-Elemen Keseimbangan dan Keadilan melalui Ritual <i>Monogit Pomogunan</i> dan Undang-Undang Adat	217

4.5.1 Kepentingan <i>Rinait</i> dan Adat	217
4.5.2 Kepentingan <i>bobolijan</i> dan Adat	219
4.5.3 Aliran Prosesual	221
4.5.4 Model Ritual Keseimbangan dan Keadilan Adat dalam Ritual <i>Monogit Pomogunan</i>	224
4.6 Kesimpulan	230

## **BAB 5: AMALAN *SOGIT* SEBAGAI ASAS SISTEM KEADILAN MAHKAMAH ANAK NEGERI**

5.1 Pendahuluan	234
5.2 Latar Belakang Mahkamah Anak Negeri Sabah	235
5.3 Sumber Undang-Undang Mahkamah Anak Negeri	237
5.4 Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu	238
5.4.1 Struktur Pentadbiran Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu	238
5.4.2 Proses Bicara dalam Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu	241
5.4.3 Amalan <i>Sogit</i> Dalam Kes-Kes Pelanggaran Adat Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu	246
5.4.4 Konsep Keadilan Berhubung Dengan Undang-undang Adat Negeri Dalam Mahkamah Anak Negeri	256
5.5 <i>Sogit</i> dalam Masyarakat Dusun Kimaragang	258
5.5.1 Amalan Penalti <i>Sogit</i> Menurut Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	258
5.5.2 Mitos Pengabsahan dan <i>Sogit</i>	263
5.5.3 Perdamaian dan <i>Sogit</i> Dalam Adat Dusun Kimaragang	265
5.6 Penyelesaian Konflik Pertikaian mengikut Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	268
5.7 Jenis-Jenis <i>Sogit</i> Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	271
5.7.1 <i>Sogit</i> disebabkan Kesalahan Kepada Makhluk-Makhluk Ghaib	271
5.7.2 <i>Sogit</i> Kesalahan Melanggar Peraturan-Peraturan Masyarakat Dusun Kimaragang	275
5.7.3 <i>Sogit</i> Disebabkan Konflik Antara Individu	280
5.7.4 <i>Sogit</i> Kerana Kesalahan Merosak Harta Benda	282
5.8 Proses-Proses Penyelesaian Konflik dan Pertikaian Menurut Undang-Undang Adat Masyarakat Dusun Kimaragang	282
5.8.1. Penyelesaian Pertikaian di Peringkat Kampung	286
5.9 Perbandingan <i>Sogit</i> Mahkamah Anak Negeri dengan <i>Sogit</i> Masyarakat Dusun Kimaragang	294

5.10 Kesimpulan	296
-----------------	-----

## **BAB 6: NILAI-NILAI MURNI DAN SIMBOL DALAM RITUAL *SOGIT* DAN UNDANG-UNDANG ADAT**

6.1 Pendahuluan	298
6.2 Nilai-Nilai Murni Dan Simbol Dalam <i>Sogit</i> Undang-undang Adat	299
6.2.1 Semangat Keharmonian	299
6.2.2 Nilai Tanggungjawab	303
6.2.3 Nilai-Nilai Etika dan Moral	305
6.2.4 Nilai Kesepakatan dan Musyawarah	307
6.2.5 Nilai Tolak Ansur	309
6.2.6 Nilai Menghormati	311
6.2.7 Nilai Ketaatan, kesyukuran, dan kebergantungan kepada Kinoringan	313
6.2.8 Nilai Kesucian	315
6.2.9 Nilai Menepati Janji	317
6.2.10 Nilai Tolong-Menolong	319
6.2.11 Nilai Keharmonian dan Kasih Sayang	321
6.3 Kesimpulan	324

## **BAB 7: KESIMPULAN**

7.1 Rumusan	328
7.1.1 Mengenalpasti Proses dan Amalan Korban <i>Sogit</i> dalam Siri Ritual <i>Monogit Pomogunan</i> sebagai Sistem Pemulihan Keseimbangan Tradisi dalam Masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah.	330
7.1.2 Mengkaji bagaimana amalan korban <i>sogit</i> menjadi asas sistem pemulihan keadilan dalam Mahkamah Anak Ngeri dalam kalangan masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah	332
7.1.3 Meneliti nilai sosial dan simbol dalam ritual <i>sogit</i> undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang di Tandek, Kota Marudu, Sabah	335
7.2 Cadangan daripada Hasil Kajian	337

<b>RUJUKAN</b>	340
----------------	-----


<b>LAMPIRAN</b>	357
-----------------	-----

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Penduduk Mengikut Jantina dan Nisbah Jantina, Kota Marudu, Sabah 2020	77
Jadual 3.2: Penduduk Mengikut Etnik Utama 2020, Kota Marudu, Sabah	78
Jadual 3.3: Tanam-tanaman Pertanian	81
Jadual 3.4: Jumlah Kampung dan Penduduk Kampung masyarakat Dusun Kimaragang	86
Jadual 4.1: Proses upacara ritual <i>Monogit Pomogunan</i>	157
Jadual 4.2: Jenis-Jenis Tumbuhan ritual <i>Monogit Pomogunan</i>	195
Jadual 5.1: Pendaftaran Kes-Kes Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu 2014-2018	248
Jadual 5.2: Hukum Adat Sumbang Kadim	273
Jadual 5.3: Zina antara Bapa Tiri Dan Anak Tiri	276
Jadual 5.4: Wanita berkahwin dengan Pakcik/makcik keturunan ketiga	278
Jadual 5.5: <i>Sogit</i> untuk Zina antara sepupu satu kali	280
Jadual 5.6: Peringkat mendengar kes pelanggaran undang-undang adat masyarakat Dusun Kimaragang di Kawasan Kajian	287
Jadual 5.7: Amalan sogit Mahkamah Anak Negeri dengan undang-undang adat Masyarakat Dusun Kimaragang	294

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1:      Karangka Kajian Kualitatif	8
Rajah 3.1:      Kosmologi Masyarakat Dusun Kimaragang	110
Rajah 4.1:      Model Ritual Keseimbangan dan keadilan sosio-budaya melalui ritual adat <i>Monogit Pomogunan</i> diubah suai daripada <i>The Ritual Process</i> Turner (1969)	226
Rajah 5.1:      Struktur organisasi pentadbiran Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu	239



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

	<b>Halaman</b>
Foto 1.1: Kajian rintis bersama <i>Bobolijan</i> Rukanang Bt. Induk 30 Jun 2018 Kampung Nolotan	10
Foto 1.2: Kajian rintis bersama Puan Jukinah Adun, 29 Ogos 2018 tempat kediamannya di Kampung Longob/Mosolog	10
Foto 1.3: Perbincangan awal mengenai adat bersama penyelidik dengan KK Tudin Sipaun, 30 Ogos 2018 (bertopi) Kg Batu Tanjung Batu Darat	11
Foto 1.4: <i>Bobolijan</i> Rukanang Induk, daripada Kampung Nolotan, Tandek, Kota Marudu, 13 Ogos 2020	14
Foto 1.5: <i>Bobolijan</i> Raliah Pangadap, daripada Kampung Salimandut, Tandek, Kota Marudu, 13 Ogos 2020	15
Foto 1.6: Pembantu <i>bobolijan</i> Darius Satikar daripada Kampung Mosolog, Tandek, Kota Marudu, 13 Ogos 2020	15
Foto 1.7: KAN Jonana Gaul, Mahkamah Anak Negeri Daerah Kota Marudu, 29 September 2018	16
Foto 1.8: KK Bonat Botong, Ketua Kampung Nolotan, 10 Oktober 2018	16
Foto 1.9: Mantan KAN Gunsalam Unggus berumur 79 tahun, Mahkamah Anak Negeri, Daerah Kota Marudu, 20 Ogos 2021	17
Foto 1.10: Bersama dengan kumpulan Fokus En. Encik Dius, Encik Junik, Encik Sibin (terlindung), Encik Rosli dan Encik Jiral di Kampung Rasak darat	19
Foto 1.11: Bersama dengan kumpulan fokus dari kiri Encik Jiral, Encik Jarikon, dan Encik Damilan di Kampung Morion	21
Foto 3.1: Perkahwinan tradisi Dusun Kimaragang	95
Foto 3.2: <i>Botukul</i>	96
Foto 3.3: Agung tawag (gong) <i>otongik</i> dan gong <i>olombou</i>	97
Foto 3.4: Peralatan <i>Mongimuau</i>	99



Foto 3.5:	Tunggul (Bendera)	101
Foto 4.1:	Upacara ritual <i>Mokisisian om Mikamamaa</i> di kampung Talantang 1, diketuai oleh pembantu <i>bobolijan</i> Saimal Pomintar, 84 tahun. Pada 25 Mac 2020	163
Foto 4.2:	Upacara <i>Monimpak</i> di Kampung Togudon Tandek bertarikh 22 Mac 2020	166
Foto 4.3:	<i>Tampaha</i> atau para menyimpan ramuan seperti Kepala kerbau dalam upacara <i>Pompod Momugas Pomogunan</i> di Kampung Salimandut, Tandek pada 28 Mac 2020	169
Foto 4.4:	Ramuan upacara <i>Pompod momugas Pomogunan</i> di Kampung Salimandut, Tandek pada 27 Mac 2020	169
Foto 4.5:	<i>Bobolijan</i> Rukanang merinjis darah mengguna daun <i>tambiyau</i> dan 7 bulu sayap ayam	173
Foto 4.6:	<i>Bobolijan</i> Rukanang dan pembantu <i>bobolijan</i> menyambut tetamu sambil menyanyi <i>rinait</i>	183
Foto 4.7:	<i>Bobolijan</i> Rukanang Induk, pembantu <i>bobolijan</i> Darius Satikar dan <i>bobolijan</i> Raliah Pangadap merangkap Ketua Kampung berbaris menyambut tetamu	183
Foto 4.8:	Tujuh ekor ayam sembelih semasaritual <i>Manadaka</i>	189
Foto 4.9:	Darah Ayam dan tujuh helai bulu sayap ayam	191
Foto 4.10:	<i>Bobolijan</i> Rukanang merinjis darah di atas tanah dan atas langit sebanyak tujuh	192
Foto 4.11:	<i>Kumborongoh (Acorus calamus)</i>	196
Foto 4.12:	Pokok <i>Sogit (Acorus calamus)</i>	197
Foto 4.13:	Pokok <i>Tambiyau (Spiraea Thunbergil)</i>	198
Foto 4.14:	Pokok <i>Rolok (Strelizia reginae)</i>	199
Foto 4.15:	Buah Pinang	201
Foto 4.16:	Daun sirih dan Kapor	201
Foto 4.17:	<i>Lumbidan</i> (daun Kirai/rokok tradisional)	202
Foto 4.18:	<i>Tampaha</i> (rak)	203
Foto 4.19:	Gong atau <i>tawag</i>	204
Foto 4.20:	<i>Botukul</i>	205
Foto 4.21:	<i>Gadur</i>	205
Foto 4.22:	<i>Selapa</i> tembaga besar	206

Foto 4.23:	<i>Selapa</i> kecil	206
Foto 4.24:	Sajian Makanan Makhluk Ghaib semasa ritual Manadaka Di Kampung Salimandut	208
Foto 4.25:	<i>Kinjaram</i>	212
Foto 4.26:	Kuih Pais ( <i>bilintanok</i> )	213
Foto 4.27:	Kuih <i>Kinomulok</i>	214
Foto 4.28:	Pisang	215
Foto 4.29:	Tapai lihing atau <i>kinomol/kombos</i>	216
Foto 5.1:	Bangunan Moden Mahkamah Anak Negeri Sabah Daerah Kota Kinabalu	242
Foto 5.2:	Ruangan Bilik Bicara Mahkamah Anak Negeri Sabah Daerah Kota Marudu	243
Foto 5.3:	Kedudukan Tempat duduk Bilik Bicara Mahkamah Anak Negeri Sabah Daerah Kota Marudu	244
Foto 5.4:	Plaintif dan Defenden mengangkat Sumpah sebelum Prosiding Perbicaraan dimulakan di bilik Bicara Mahkamah Anak Negeri Sabah Daerah Kota Marudu	246
Foto 5.5:	Ilustrasi perbicaraan di peringkat kampung	291
Foto 6.1:	Ilustrasi Jawatankuasa Penasihat ketua kampung	319
Foto 6.2:	Penduduk kampung bergoton royong melaksanakan upacara ritual <i>manadaka</i>	321
Foto 6.3:	Nilai kasih sayang kepada orang tua	323
Foto 6.4:	Jamuan makan untuk tetamu	323

## SENARAI PETA

Halaman

Peta 3.1:	Peta Negeri Sabah yang menunjukkan pentadbiran Daerah Kota Marudu dan Kampung-Kampung	76
Peta 3.2:	Kedudukan Daerah Kota Marudu dan Kampung-Kampung Pekan Tandek dan	85



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## GLOSARI ISTILAH KIMARAGANG

- Bambarayon* Roh tanam-tanaman (semangat padi). Menurut kepercayaan Masyarakat Dusun Kimaragang ia perlu dijaga dan dilayan dengan baik sebagai jaminan untuk menikmati hasil tuaian memuaskan dalam setiap musim penanaman. Jika seseorang menyinggung perasaannya seperti mematahkan batang padi perlu ada upacara *mangaraa* (*monogit*) mengorbankan seekor ayam untuk memujuk supaya kembali lagi memelihara tanaman padi.
- Bobolijan* Seseorang yang pakar dalam ritual dan adat istiadat dan mempunyai kemahiran dan berpengetahuan melaksanakan pelbagai ritual dan berkebolahan menghafal ayat-ayat *rinait*. Sebagai pengantara untuk memulihkan hubungan diantara manusia dan alam ghaib.
- Bubu* Sejenis alat tradisional menangkap ikan yang diperbuat daripada rotan, atau bambu. Pada zaman dahulu, seorang lelaki didapati berzina dengan seorang perempuan, kedua-dua mereka akan dimasukkan ke dalam *bubu* lalu dihanyut ke sungai.
- Kababaan* Kakak duluan kahwin kemudian adik, pakkik atau nenek berkahwin satu mentua disebut *kababaan* dan hukumannya satu ekor khinzir dan satu biji *botukul* (jenis gong kecil) sebagai *pulanut* diberi kepada kakak tadi kerana duluan kahwin satu mertua.
- Kapanasan Kampung* Alam semesta menjadi panas disebabkan seseorang telah melakukan pelanggaran adat seperti berzina sehingga menyebabkan makhluk ghaib, roh-roh baik dan jahat merasa tersinggung dan marah. Kinoringan dipujuk dengan menyediakan pelbagai sajian makanan dan mengorbankan ayam, atau khinzir atau kerbau untuk memohon pengampunan dan pemulihan keseimbangan dan keadilan individu, masyarakat kampung. Dengan erti kata yang lain, sebagai denda adat berkenaan dengan kesalahan terhadap kesucian dan kehormatan suatu kampung.
- Kemamaluan* Denda mengaibkan ibubapa, orang lain, satu ekor khinzir dan satu biji *botukul* (jenis gong kecil) sebagai pemulihan hubungan yang baik sesama manusia.
- Kinoringan* Sebagai *Minimangun Pomogunan* (pencipta alam semesta) Tuhan bagi masyarakat tradisional masyarakat Dusun Kimaragang yang mempunyai kuasa tertinggi di alam semesta.

- Kosusutan* Adat *kosusutan* ertinya kakak dan adik berkahwin satu mertua/pakcik/nenek, kemudian anak mereka pula berkahwin sama mertua dinamakan *kosusutan* dan hukuman yang dikenakan sebagai *sogit*:  
1 ekor khinzir, 1 biji *botukul* diberikan kepada kakak atau abang, pakcik atau nenek
- Kotigagangan* menyebabkan perasaan terkejut. Contoh, seseorang yang menyebabkan seseorang perempuan yang sedang mengandung menyebabkan beliau merasa terkejut orang itu perlu memberi *sogit* satu ekor ayam. Demikian juga jika seorang lelaki tiba-tiba masuk ruang bilik perempuan yang bersendirian dan terkejut maka orang tersebut dikenakan *sogit* satu ekor ayam.
- Lapau* Merupakan adat poligini dengan memberikan satu ekor kerbau bertanduk berukuran 6 inci dan satu biji gong besar sebagai *pulanut*. Sementara perempuan yang hendak dijadikan isteri kedua oleh lelaki memberi satu ekor lembu sebagai adat *lapau* dan satu biji *pulanut*. Selain itu, kedua-dua pihak lelaki dan perempuan memberi satu ekor khinzir sebagai *sogit kepanasan kampung*.
- Lawong* Larangan kepada ahli keluarga yang kematian ahli keluarga berpindah ke kampung lain sebelum genap satu tahu. Jika dilanggar satu ekor khinzir sedang besar dan satu gong besar sebagai *pulanut* diberikan kepada kampung yang terlibat.
- Manadaka* Merupakan satu jenis ritual yang terakhir dalam siri *Mongot Pomogunan*. Ritual ini sebagai tanda terima kasih dan kesyukuran manusia kepada Kinoringan kerana masyarakat dan kampung telah mendapat perlindungan dan tidak mendapat jangkitan daripada wabak penyakit yang berjangkit seperti wabak pandemik COVID-19. Selain ini, masyarakat dan kampung diberi rezeki kerana mendapati hasil tanaman padi yang baik. Sebagai tanda kesyukuran, penduduk kampung berpakat untuk menyembelih tujuh ekor ayam, menyediakan makanan sajian makanan di mana semua jenis makanan dalam angka tujuh sebagai simbolik untuk menjamau tujuh lapisan tempat tinggal Kinoringan dan para malaikat di atas langit dan tujuh lagi lapisan tempat tinggal roh-roh baik dan jahat tinggal di bumi bersama manusia.
- Mianu-anu* Kesalahan serius pelanggaran seksual menyebabkan kepanasan kampung. Seekor binatang dikorbankan sebagai pampasan penyejuk untuk menyejuk kepanasan kampung.

<i>Mintoron</i>	Tinggal di rumah sebagai pantang larang terutama sekali selepas selesai upacara ritual <i>monogit</i> kampung agar lebih memberi kesan yang mujarab.
<i>Mokimamaa/ mokisisian</i>	Memohon belas kasihan kepada Kinoringan terutama sekali semasa melaksanakan ritual siri <i>Monogit Pomogunan</i> mengorban ayam sebagai pujukan kepada Kinoringan membantu manusia menghalau roh-roh jahat menyebarkan penyakit, bencana dan sebagainya. Upacara ini melibatkan semua penduduk kampung dan masing-masing membawa seekor ayam untuk dikorban oleh bobolijan.
<i>Paagalan do Kadaat</i>	Denda satu biji <i>botukul</i> besar atau sebilah parang kerana meninggalkan nasib malang kepada orang lain. Contohnya, meletakkan perkakasan rumah sementara seperti, kayu di rumah orang.
<i>Panji</i>	Bendera untuk dipacak di tepi kuburan sebagai layar untuk membawa simati ketempat yang jauh.
<i>Pigianggan</i>	Lelaki atau perempuan berkahwin dengan lelaki atau perempuan dengan pangkat makcik/pakcik keturunan kedua atau ketiga kepada isteri atau suami yang ada kaitan persaudaraan turunan kedua atau ketiga harus memutuskan persaudaraan memberikan seekor kerbau tanduk berukuran 6 inci untuk dikorbankan sebagai <i>sogit</i> kepanasan kampung
<i>Pitas</i>	Lelaki ingin berkahwin dengan perempuan yang ada kaitan persaudaraan atau berkahwin dengan kakak isterinya sebagai madu harus memutuskan persaudaraan dahulu dengan mengorbankan sesekor kinzir besar sebagai simbolik memutuskan persaudaraan dan untuk mengelakkan kepanasan kampung.
<i>Pisulad</i>	Memberi <i>sogit</i> seekor khinzir besar kepada kampung kerana adik berkahwin dengan suami kakak untuk bermadu atau berkahwin dengan wanita yang memanggilnya sebagai taki/nenek keturunan ketiga.
<i>Ponggimbolobou</i>	<i>Sogit</i> kampung kerana adik berkahwin dengan suami kakaknya atau pangkat pakcik/makcik untuk bermadu untuk dihindari daripada mendapat penyakit yang berbahaya dengan mengorbankan satu ekor khinzir besar sebagai <i>sogit ponggimbolobou</i> .
<i>Pulanut</i>	Pemberian barang keras seperti <i>gong, botukul, selapa, gadur</i> dan lain-lain yang diperbuat daripada logam tembaga. Berfungsi sebagai pendinding, menguatkan lagi upacara yang dilaksanakan, menguat semangat kepada orang yang terkilan dan berfungsi sebagi menolak semangat

jahat mengganggu kepada pengamal adat seperti ketua kampung atau *bobolijan*.

*Raat tinipi* Seorang lelaki yang berkahwin dengan kakak isterinya perlu memberi satu ekor khinzir sebagai *sogit raat tinipi* yang bermaksud menjauhkan mimpi yang buruk.

*Rolot* Perbuatan poligami oleh seseorang lelaki. Suami memberikan adat *rolot* satu ekor kerbau kepada isteri pertamanya dan satu biji gong besar sebagai *pulanut*. Perempuan yang hendak dimadu juga memberi satu ekor khinzir dan satu biji gong sedang besar sebagai *pulanut* kepada isteri pertama suaminya.

*Tadung* Seorang perempuan sudah bersuami selama lima hingga sepuluh tahun, maka suaminya mati, lalu belum genap satu tahun wanita tersebut meminta khawin dengan lelaki dikenakan denda adat Tadung satu *betukul*.

Adat *Tadung totuoh*: Sepasang suami isteri berumur 50 tahun ke atas kemudian kematian suami atau isteri, belum genap satu tahun sudah berkahwin, maka dikenakan adat denda *tadung totuoh* satu *gadur*.

*Sumbang* Roh sumbang yang menjaga keharmonian perkahwinan. Kesalahan pelanggaran adat terutama sekali melaku zina sehingga menyinggung perasaan roh sumbang. Tujuh ekor ayam disembelih untuk menenangkan dan meredakan kemarahannya.

*Tampaha* Merupakan batang bambu yang diambil khusus semasa melakukan upacara ritual sebagai rak menyimpan peralatan keperluan ritual yang dianggap sacral dan suci seperti 7 biji telur, 7 biji kuih-muih, lihing (tapai), 7 keping sirih (sudah diisi dengan kapor), 7 biji buah pinang, *lumbidan* (batang rokok tradisional dari daun nipah untuk membungkus tembakau yang sudah dihiris dan sudah kering), dan darah binatang.

*Tingkusuan* Harta pusaka dari nenek moyang dalam bentuk tembaga (seperti *gong*, *botukul*), tajau, tanah pertanian dan sebagainya yang telah diserahkan oleh seorang bapa/datuk.

*Tingkat* Lelaki berkahwin dengan kakak isterinya memberikan satu ekor khinzir besar sebagai *sogit tingkat*.

*Tonduk* Kayu keras (*bulian*) atau batu ditanam setiap penjuru tanah sebagai tanda sempadan. Tujuannya ialah menyatakan bahawa tanah tersebut ada pemiliknya. Seseorang yang mengubah *tonduk* merupakan satu kesalahan pelanggaran adat dan memberi seekor ayam sebagai *sogit*. Ia juga

sebagai tanda bahawa pokok buah-buahan yang sedang masak sebagai larangan kepada orang ramai agar tidak mengambil buah tersebut.

*Tumoron* Tinggal di rumah sebagai pantang larang terutama sekali selepas selesai upacara ritual *monogit* kampung agar lebih memberi kesan yang mujarab.

*Tunggul* Bendera orang mati. Bendera untuk dipacak di tepi kuburan sebagai layar untuk membawa simati ketempat yang jauh.

*Waris kesumbangan* Berkahwin dengan perempuan/lelaki yang ada hubungan persaudaraan. Memberikan seekor kinzir untuk disembelih untuk mengelak kemarahan roh sumbang.

*Waris kowosungan* Berkahwin dengan pangkat datuk/makcik walaupun ikatan persaudaraan sudah dalam tahap keturunan ketiga. Untuk mengelakkan kutukan seekor kinzir disembelikan untuk menyejukkan kepanasan.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH